

24/04/1997

Sesuai diri dengan keadaan semasa

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat mengubah cara hidup, cita rasa dan imej supaya selaras dengan pembangunan pesat negara, kita melihat wujudnya satu jurang pemisah yang luas antara pemikiran lama dengan moden. Dalam konteks ini, pemikiran lama boleh ditakrifkan sebagai golongan yang tidak dapat menghayati erti sivik, walaupun mereka pernah mendengar perkataan itu. Jika mereka mula bersekolah sejak 1954 lagi, pendidikan sivik sudah pun diberi pendedahan yang agak meluas hingga ke hari ini.

Melihat kepada pendedahan pendidikan sivik yang diperkenal lebih 40 tahun lalu, boleh dirumuskan majoriti rakyat Malaysia tahu apa sebenarnya pengertian sivik yang mempunyai kaitan langsung dengan erti disiplin. Pada peringkat awalnya, pentadbiran British memasukkan unsur sivik untuk menjalin hubungan rakyat pelbagai kaum. Ini memang ditegaskan dalam Penyata Razak 1956.

Dasar Pendidikan Kebangsaan juga menegaskan pentingnya pendidikan sivik sebagai satu orientasi positif supaya rakyat mencintai negara. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 sekali lagi memberi keutamaan pendidikan sivik dengan objektif utamanya untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cintakan negara, sifat bertimbang rasa dan toleransi, berdikari, jaya diri dan semangat mahu memahami masalah masyarakat serta bersedia bertindak dan membabitkan diri dalam menyelesaikan sebarang masalah. Malangnya, unsur murni yang diserapkan dalam jiwa masyarakat tidak dipantulkan kepada kehidupan harian. Di mana silapnya masyarakat kita?

Apabila masalah disiplin dikaitkan dengan pembangunan, kita tidak boleh menafikan bahawa masih ramai masyarakat yang menyalahgunakan kemudahan yang disediakan. Keadaan bertambah buruk jika pelakunya adalah golongan dewasa yang sepatutnya menjadi guru kepada anak-anak. Jika kanak-kanak, perbuatan mereka boleh dianggap sebagai sikap nakal semula jadi mereka.

Sebaliknya, jika orang dewasa, ia lebih menonjolkan sikap mementingkan diri sendiri. Melihat kepada contoh kehidupan di flet sebagaimana contoh yang diberikan oleh Dr Mahathir, kita tidak ragu-ragu menyatakan sikap mementingkan diri memang terserlah. Penghuninya tidak dapat memikirkan kecacatan pemandangan akibat perbuatan mereka dengan menyidai kain di jemuran. Bagi mereka, asalkan kain mereka kering, pandangan orang lain tidak perlu diambil kira. Ada antara penghuni yang membuang sampah di merata tempat tanpa mengambil kira kesan pencemaran yang timbul.

Mereka seolah-olah hanya mahu melihat kawasan rumah mereka yang bersih tetapi kebersihan alam sekitar bukan urusan mereka. Ketika lif boleh digunakan pula, ia tidak dijaga dengan baik. Mereka bukan saja menekan butang lif sesuka hati, malah ada yang menendang lif, jika ketibaan lif agak lewat. Apabila lif rosak, mereka menuduh pihak yang menguruskan flet mereka tidak mengambil tindakan. Cara hidup yang masih diamalkan ini, bukanlah sepatutnya menjadi gaya masyarakat Malaysia yang bertamadun.

Sepatutnya, jika mereka menetap di rumah teres, mereka mestilah menyesuaikan diri dengan keadaan kawasan yang sederhana luas itu. Mereka tidak boleh lagi membandingkan dengan kehidupan di kampung. Jika menetap di flet pula, mereka perlulah tahu menyesuaikan keadaan di rumah yang mudah dilihat dari jauh. Jika semua rumah menyidai kain, pemandangan yang indah bertukar kepada suasana yang menyakitkan mata. Kita percaya setiap rumah sudah disediakan tempat menyidai kain yang sesuai atau dalam hidup moden hari ini, kain tidak perlu lagi disidai tetapi ia dikeringkan dengan

menggunakan alat pengering. Keperluan alat ini dianggap penting pada zaman moden ini.

Kita berpendapat rakyat Malaysia perlu mulai sekarang mengakui bahawa corak hidup mereka sudah berubah. Walaupun hidup di kawasan yang sempit, mereka masih boleh mendapat keselesaan jika tahu menyesuaikan diri dengan keadaan cara hidup moden. Jika kebanyakan suri rumah tidak perlu lagi membasuh pakaian menggunakan tenaga, sebaliknya menggunakan mesin pencuci pakaian, alat pengering ini adalah sebagai tambahan kepada ciri-ciri hidup moden ini. Tidak logik kita memasak menggunakan kayu api di flet sedangkan saluran gas sudah disediakan.

Jika kita masih selesa dengan cara lama, pemodenan yang cuba diserapkan kepada masyarakat, tidak memberi sebarang makna. Pemodenan tidak bererti kita perlu membuang segala nilai dan budaya Timur. Kita hanya mengubah cara hidup tanpa menjejaskan nilai yang baik. Apa guna kita menyanjung nilai dan budaya Timur, jika kita tidak berdisiplin. Kita lebih dipandang hina jika dianggap masyarakat yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

(END)